



DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT)

VERSI 3.0

PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN

ISO/IEC 27001:2013

PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT



	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

ISI KANDUNGAN

SEJARAH DOKUMEN	1
REKOD PINDAAN.....	2
PENGENALAN	3
OBJEKTIF.....	3
PERNYATAAN DASAR	4
SKOP.....	6
PRINSIP-PRINSIP	10
PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN ICT	13
BIDANG 01 PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN DASAR	16
0101 Dasar Keselamatan ICT.....	16
010101 Pelaksanaan Dasar.....	16
010102 Penyebaran Dasar	16
010103 Penyelenggaraan Dasar	17
010104 Pematuhan Dasar	18
BIDANG 02 ORGANISASI KESELAMATAN	19
0201 Struktur Organisasi Dalaman	19
020101 Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	19
020102 Ketua Pegawai Maklumat (CIO)	20
020103 Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)	21
020104 Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ).....	23
020105 Pengurus ICT.....	25
020106 Pentadbir Sistem ICT	27
020106A Pentadbir Rangkaian & Keselamatan.....	27
020106B Pentadbir Pangkalan Data.....	29
020106C Pentadbir Laman Web (Webmaster).....	29
020106D Pentadbir Pusat Data/Bilik Server.....	30
020106E Pentadbir Sistem Aplikasi.....	31
020106F Pentadbir Rangkaian & Keselamatan	31
020106G Pentadbir Emel	32
020107 Pegawai Aset.....	33
020108 Pengguna	34

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

020109	Jawatan Kuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (JPICT).....	37
020110	Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan ICT Kerajaan.....	40
	Negeri Sembilan (CERTNS)	
0202	Pihak Luaran.....	43
020201	Keperluan Keselamatan Kontrak dengan Pihak Luaran	43
BIDANG 03	PENGURUSAN ASET.....	45
0301	Akauntabiliti Aset	45
030101	Inventori Aset ICT	45
0302	Pengelasan dan Pengendalian Maklumat	46
030201	Pengelasan Maklumat	47
030202	Pengendalian Maklumat	47
BIDANG 04	KESELAMATAN SUMBER MANUSIA	49
0401	Keselamatan Sumber Manusia Dalam Tugasan Harian	49
040101	Sebelum Perkhidmatan.....	49
040102	Dalam Perkhidmatan	50
040103	Bertukar Atau Tamat Perkhidmatan.....	52
040104	Program Kesedaran Keselamatan ICT	53
BIDANG 05	KESELAMATAN FIZIKAL DAN PERSEKITARAN.....	54
0501	Keselamatan Kawasan.....	54
050101	Kawalan Kawasan	54
050102	Kawalan Masuk Fizikal	56
050103	Kawasan Larangan	56
0502	Keselamatan Peralatan	58
050201	Peralatan ICT	59
050202	Media Storan	62
050203	Media Tandatangan Digital	64
050204	Media Perisian dan Aplikasi (Software)	65
050205	Penyelenggaraan Perkakasan.....	66
050206	Peralatan di Luar Premis	67
050207	Pelupusan Perkakasan	68
0503	Keselamatan Persekitaran	70
050301	Kawalan Persekitaran	70
050302	Bekalan Kuasa.....	72
050303	Kabel Komputer/ Rangkaian	72
050304	Prosedur Kecemasan	73
0504	Keselamatan Dokumen	74
050401	Dokumen	74

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

BIDANG 06 PENGURUSAN OPERASI DAN KOMUNIKASI	76
0601 Pengurusan Prosedur Operasi.....	76
060101 Pengendalian Prosedur	76
060102 Kawalan Perubahan.....	76
060103 Pengasingan Tugas dan Tanggungjawab.....	77
0602 Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan Pihak Luaran.....	78
060201 Penyampaian Perkhidmatan.....	78
0603 Perancangan dan Penerimaan Sistem.....	79
060301 Perancangan Kapasiti.....	79
060302 Penerimaan Sistem.....	80
0604 Perisian Berbahaya	80
060401 Perlindungan daripada Perisian Berbahaya.....	81
060402 Perlindungan daripada <i>Mobile Code</i>	82
0605 Housekeeping	82
060501 <i>Backup</i>	82
0606 Pengurusan Rangkaian.....	83
060601 Kawalan Infrastruktur Rangkaian.....	83
0607 Pengurusan Media.....	84
060701 Pengendalian Media	85
0608 Pengurusan Pertukaran Maklumat	85
060801 Pertukaran Maklumat.....	86
060802 Pengurusan Mel Elektronik (E-mel)	86
0609 Perkhidmatan Pembayaran Dalam Talian	87
060901 Pembayaran Atas Talian.....	87
0610 Pemantauan	88
061001 Pengauditan dan Forensik ICT	88
061002 Jejak Audit	89
061003 Sistem Log	90
061004 Pemantauan Log.....	90
BIDANG 07 KAWALAN CAPAIAN	93
0701 Dasar Kawalan Capaian.....	93
070101 Keperluan Kawalan Capaian	93
0702 Pengurusan Capaian Pengguna	94
070201 Akaun Pengguna	94
070202 Hak Capaian	95
070203 Pengurusan Kata Laluan	96
070204 <i>Clear Desk</i> dan <i>Clear Screen</i>	97

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

0703 Kawalan Capaian Rangkaian.....	98
070301 Capaian Rangkaian	98
070302 Capaian Internet	99
0704 Kawalan Capaian Sistem Pengoperasian.....	100
070401 Capaian Sistem Pengoperasian	100
070402 Capaian Pihak Luaran	101
0705 Kawalan Capaian Data, Maklumat dan Sistem Aplikasi	102
070501 Capaian Data, Maklumat dan Sistem Aplikasi	102
0706 Peralatan Mudah Alih dan Kerja Jarak Jauh	103
070601 Peralatan Mudah Alih dan Kerja Jarak Jauh	103
BIDANG 08 PEROLEHAN PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN ..	104
SISTEM APLIKASI	
0801 Keselamatan Dalam Membangunkan Sistem Aplikasi	104
080101 Keperluan Keselamatan Sistem Aplikasi	104
080102 Pengesahan Data Input dan Output.....	105
0802 Kawalan Kriptografi.....	106
080201 Enkripsi	106
080202 Tandatangan Digital.....	106
080203 Pengurusan Infrastruktur Kunci Awam (PKI)	106
0803 Keselamatan Fail Sistem Aplikasi.....	107
080301 Kawalan Fail Sistem Aplikasi	107
0804 Keselamatan Proses Pembangunan dan Penyelenggaraan	108
080401 Prosedur Kawalan Perubahan	108
080402 Pembangunan Sistem Aplikasi Secara Outsource	108
0805 Kawalan Vulnerability Teknikal.....	109
080501 Kawalan Ancaman Teknikal.....	109
BIDANG 09 PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN	110
KESELAMATAN ICT	
0901 Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan ICT	110
090101 Mekanisme Pelaporan	110
0902 Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT	112
090201 Prosedur Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT	112
BIDANG 10 PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN	114
1001 Dasar Kesinambungan Perkhidmatan	114

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

100101	Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP)	114
100102	Pelan Pemulihan Bencana (DRP).....	117
BIDANG 11	PEMATUHAN	120
1101	Pematuhan dan Keperluan Perundangan	120
110101	Pematuhan Dasar	120
110102	Pematuhan Dasar, Piawaian dan Prosedur	120
110103	Pematuhan Keperluan Audit	121
110104	Dokumen Perundangan	121
110105	Pelanggaran Dasar	121
GLOSARI.....		122
Lampiran 1	130
Lampiran 2	132
Lampiran 3	136
Lampiran 4	138
Lampiran 5	140

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

SEJARAH DOKUMEN

TARIKH	VERSI	KELULUSAN	TARIKH KUAT KUASA
23 MAC 2015	2.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BIL.1/2015	23 MAC 2015
12 FEB 2019	3.0	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BIL.1/2019	12 FEB 2019

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

REKOD PINDAAN

TARIKH	VERSI	BUTIRAN PINDAAN
12 FEB 2019	3.0	PINDAAN DOKUMEN DENGAN MERUJUK DASAR/PEKELILING/ SURAT ARAHAN SEDANG BERKUATKUASA DAN MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN KESELAMATAN ICT SEMASA

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

PENGENALAN

Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan mengandungi peraturan yang mesti dibaca dan dipatuhi dalam menggunakan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Dasar ini juga menerangkan kepada semua pengguna mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi Aset ICT di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

OBJEKTIF

DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan diwujudkan untuk menjamin kesinambungan urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.

Dasar ini bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat sesuai dengan keperluan operasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Ini hanya boleh dicapai dengan memastikan semua Aset ICT dilindungi.

Manakala, objektif utama Keselamatan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ialah seperti berikut:

- i. memastikan kelancaran operasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan;
- ii. melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan atau kelemahan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi;

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

- iii. mencegah salah guna atau kecurian Aset ICT Kerajaan; dan
- iv. menyediakan ruang bagi penambahbaikan yang berterusan kepada pengurusan keselamatan dan pentadbiran ICT.

PERNYATAAN DASAR

Keselamatan ditakrifkan sebagai keadaan yang bebas daripada ancaman dan risiko yang tidak boleh diterima. Penjagaan keselamatan merupakan suatu proses yang berterusan. Ia melibatkan aktiviti berkala yang mesti dilakukan dari semasa ke semasa untuk menjamin keselamatan kerana ancaman dan kelemahan sentiasa berubah.

Keselamatan ICT adalah bermaksud keadaan di mana segala urusan menyedia dan membekalkan perkhidmatan yang berdasarkan kepada sistem ICT berjalan secara berterusan tanpa gangguan yang boleh menjelaskan keselamatan. Keselamatan ICT berkait rapat dengan perlindungan Aset ICT. Terdapat empat (4) komponen asas keselamatan ICT iaitu:

- i. melindungi maklumat rahsia rasmi dan maklumat rasmi kerajaan dari capaian tanpa kuasa yang sah;
- ii. menjamin setiap maklumat adalah tepat dan betul;
- iii. memastikan ketersediaan maklumat apabila diperlukan oleh pengguna; dan

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

- iv. memastikan akses hanya kepada pengguna-pengguna yang sah atau penerimaan maklumat dari sumber yang sah.

DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan merangkumi perlindungan ke atas semua bentuk maklumat elektronik bertujuan untuk menjamin keselamatan maklumat tersebut dan kebolehsediaan kepada semua pengguna yang dibenarkan.

Ciri-ciri utama keselamatan maklumat adalah seperti berikut:

- i. kerahsiaan - maklumat tidak boleh didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan diakses tanpa kebenaran;
- ii. integriti - data dan maklumat hendaklah tepat, lengkap dan kemas kini. Ia hanya boleh diubah dengan cara yang dibenarkan;
- iii. tidak boleh disangkal - punca data dan maklumat hendaklah dari punca yang sah dan tidak boleh disangkal;
- iv. kesahihan - data dan maklumat hendaklah dijamin kesahihannya; dan
- v. ketersediaan - data dan maklumat hendaklah boleh diakses pada bila-bila masa.

Selain itu, langkah-langkah ke arah menjamin keselamatan ICT hendaklah bersandarkan kepada penilaian yang bersesuaian dengan perubahan semasa terhadap kelemahan semula jadi Aset ICT; ancaman yang wujud akibat

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

daripada kelemahan tersebut; risiko yang mungkin timbul; dan langkah-langkah pencegahan sesuai yang boleh diambil untuk menangani risiko berkenaan.

SKOP

Aset ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan terdiri daripada perkakasan, perisian, sistem aplikasi, perkhidmatan, data, maklumat, manusia, media storan, dokumentasi, premis komputer dan peralatan rangkaian. DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan menetapkan keperluan-keperluan asas berikut:

- i. data dan maklumat hendaklah boleh diakses secara berterusan dengan cepat, tepat, mudah dan boleh dipercayai. Ini adalah amat perlu bagi membolehkan keputusan dan penyampaian perkhidmatan dilakukan dengan berkesan dan berkualiti; dan
- ii. semua data dan maklumat hendaklah dijaga kerahsiaannya dan dikendalikan sebaik mungkin pada setiap masa bagi memastikan kesempurnaan dan ketepatan maklumat serta untuk melindungi kepentingan kerajaan, perkhidmatan dan masyarakat.

Bagi menentukan Aset ICT ini terjamin keselamatannya sepanjang masa, DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ini merangkumi perlindungan semua bentuk maklumat kerajaan yang diwujud, dimusnah, disimpan, dijana, dicetak, diakses, diedar dalam penghantaran dan yang dibuat salinan keselamatan. Ini akan dilakukan melalui pewujudan dan penguatkuasaan

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

sistem kawalan serta prosedur dalam pengendalian semua perkara-perkara berikut:

i. Perkakasan

Semua aset yang digunakan untuk menyokong pemprosesan maklumat dan kemudahan storan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Contoh komputer, pelayan, peralatan komunikasi, pencetak, media storan dan sebagainya;

ii. Perisian

Program, prosedur atau peraturan yang ditulis dan dokumentasi yang berkaitan dengan sistem pengoperasian komputer yang disimpan dalam sistem ICT. Contoh perisian aplikasi atau perisian sistem seperti :

- a. Sistem Pengoperasian (Windows, Linux, Ubuntu, Android);
- b. Sistem Pangkalan Data (MySQL, Oracle, MSSQL); dan
- c. Perisian Sistem Rangkaian dan Keselamatan (Antivirus, Firewall, BMT, DNS,DMS).

iii. Sistem Aplikasi

Satu program komputer yang dibangunkan bagi melakukan tugas pengguna secara spesifik untuk pengguna akhir (*end users*) yang menyediakan kemudahan pemprosesan maklumat kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Contoh sistem aplikasi seperti:

- a. Sistem HRMIS;
- b. Sistem e-Direktori; dan setaranya.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

iv. Perkhidmatan

Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Contoh:

- a. perkhidmatan rangkaian seperti LAN, WAN dan lain-lain;
- b. sistem halangan akses seperti sistem kad akses; dan
- c. perkhidmatan sokongan seperti kemudahan elektrik, penghawa dingin, sistem pencegah kebakaran, *Uninterruptible Power Supply* (UPS), *Close Circuit Television* (CCTV) dan lain-lain.

v. Data atau Maklumat

Koleksi fakta-fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik, yang mengandungi maklumat-maklumat untuk digunakan bagi mencapai misi dan objektif Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Contohnya, sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod-rekod, profil-profil pelanggan, pangkalan data, fail-fail data, maklumat-maklumat arkib dan lain-lain;

vi. Manusia

Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan skop kerja harian jabatan bagi mencapai misi dan objektif jabatan. Individu berkenaan merupakan aset berdasarkan kepada tugas-tugas dan fungsi yang dilaksanakan;

vii. Media Storan

Semua media storan dan peralatan yang berkaitan seperti storan mudah alih, pita kartrij, CD-ROM, pita, cakera, pemacu cakera, pemacu pita dan lain-lain;

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

viii. Dokumentasi

Semua dokumen yang berkaitan dengan aset ICT, pemasangan dan pengoperasian peralatan dan perisian sama ada dalam bentuk elektronik atau bukan elektronik;

ix. Peralatan Rangkaian

Peralatan rangkaian atau peranti rangkaian komputer berfungsi sebagai pengantara data dalam rangkaian komputer. Peralatan rangkaian termasuklah *switch*, *core switch* dan *firewall*;

x. Media Komunikasi

Semua peralatan berkaitan komunikasi seperti media cetak, media audio, media visual, media audio visual, aplikasi media sosial, internet dan sebagainya; dan

xi. Premis Komputer Dan Komunikasi

Semua kemudahan serta premis yang digunakan untuk menempatkan perkara (i) - (x) di atas.

Setiap perkara di atas perlu diberi perlindungan rapi. Sebarang kebocoran maklumat atau kelemahan perlindungan dianggap sebagai pelanggaran DKICT.

Dasar ini adalah terpakai kepada semua pengguna di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan termasuk kakitangan, pembekal dan pakar runding yang mengurus, menyedia, menyelenggara, memproses, mencapai, memuat turun, memuat naik, berkongsi, menyimpan, menggunakan dan melupus aset ICT Kerajaan Negeri Sembilan.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

PRINSIP-PRINSIP

Prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada Dasar Keselamatan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

i. Akses Atas Dasar Perlu Mengetahui

Akses terhadap penggunaan Aset ICT hanya diberikan untuk tujuan spesifik dan dihadkan kepada pengguna tertentu atas dasar “perlu mengetahui” sahaja. Ini bermakna akses hanya akan diberikan sekiranya peranan atau fungsi pengguna memerlukan maklumat tersebut. Pertimbangan untuk akses adalah berdasarkan kategori maklumat seperti yang dinyatakan di dalam dokumen Arahan Keselamatan perenggan 53, muka surat 15;

ii. Hak Akses Minimum

Hak akses pengguna hanya diberi pada tahap yang paling minimum iaitu untuk membaca dan/atau melihat sahaja. Kelulusan adalah perlu untuk membolehkan pengguna mewujud, menyimpan, mengemas kini, mengubah atau membatalkan sesuatu maklumat. Hak akses perlu dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peranan dan tanggungjawab pengguna/bidang tugas;

iii. Akauntabiliti

Semua pengguna adalah dipertanggungjawabkan ke atas semua tindakannya terhadap Aset ICT. Tanggungjawab ini perlu dinyatakan dengan jelas sesuai dengan tahap sensitiviti sesuatu sumber ICT. Untuk menentukan tanggungjawab ini dipatuhi, sistem ICT hendaklah

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

mampu menyokong kemudahan mengesan atau mengesah bahawa pengguna sistem maklumat boleh dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka.

Akauntabiliti atau tanggungjawab pengguna termasuklah:

- a. menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan;
- b. memeriksa maklumat dan menentukan ianya tepat dan lengkap dari semasa ke semasa;
- c. menentukan maklumat sedia untuk digunakan;
- d. menjaga kerahsiaan kata laluan;
- e. mematuhi standard, prosedur, langkah dan garis panduan keselamatan yang ditetapkan;
- f. memberi perhatian kepada maklumat terperingkat terutama semasa pewujudan, pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan; dan
- g. menjaga kerahsiaan langkah-langkah keselamatan ICT dari diketahui umum.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

iv. Pengasingan

Tugas mewujud, memadam, kemas kini, mengubah dan mengesahkan data perlu diasingkan bagi mengelakkan dari capaian yang tidak dibenarkan serta melindungi Aset ICT daripada kesilapan, kebocoran maklumat terperingkat atau dimanipulasi. Pengasingan juga merangkumi tindakan memisahkan antara kumpulan operasi dan rangkaian;

v. Pengauditan

Pengauditan merupakan tindakan untuk mengenalpasti insiden berkaitan keselamatan atau mengenalpasti keadaan yang mengancam keselamatan. Ia membabitkan pemeliharaan semua rekod berkaitan tindakan keselamatan. Dengan itu, Aset ICT seperti komputer, pelayan, *router*, *firewall* dan rangkaian hendaklah ditentukan dapat menjana dan menyimpan log tindakan keselamatan atau *audit trail*;

vi. Pematuhan

DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT;

vii. Pemulihan

Pemulihan sistem amat perlu untuk memastikan kebolehsediaan dan kebolehcapaian. Objektif utama adalah untuk meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian akibat daripada ketidaksediaan. Pemulihan boleh dilakukan melalui aktiviti penduaan dan mewujudkan pelan pemulihan bencana/ kesinambungan perkhidmatan; dan

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

viii. Saling Bergantungan

Setiap prinsip di atas adalah saling lengkap-melengkapi dan bergantung antara satu sama lain. Dengan itu, tindakan mempelbagaikan pendekatan dalam menyusun dan mencorakkan sebanyak mungkin mekanisme keselamatan adalah perlu bagi menjamin keselamatan yang maksimum.

PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN ICT

Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah mengambil kira kewujudan risiko ke atas Aset ICT akibat daripada ancaman dan *vulnerability* yang semakin meningkat hari ini. Justeru itu, Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan perlu mengambil langkah-langkah proaktif dan bersesuaian untuk menilai tahap risiko Aset ICT supaya pendekatan dan keputusan yang paling berkesan dikenalpasti bagi menyediakan perlindungan dan kawalan ke atas Aset ICT.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah melaksanakan penilaian risiko keselamatan ICT secara berkala dan berterusan bergantung kepada perubahan teknologi dan keperluan keselamatan ICT. Seterusnya mengambil tindakan susulan dan/atau langkah-langkah bersesuaian untuk mengurangkan atau mengawal risiko keselamatan ICT berdasarkan penemuan penilaian risiko.

Penilaian risiko keselamatan ICT hendaklah dilaksanakan ke atas sistem maklumat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan termasuklah aplikasi, perisian, pelayan, rangkaian dan/atau proses serta prosedur. Penilaian risiko ini hendaklah juga dilaksanakan di premis yang menempatkan sumber-sumber

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

teknologi maklumat termasuklah pusat data, bilik media storan, kemudahan utiliti dan sistem-sistem sokongan lain.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan risiko keselamatan ICT selaras dengan keperluan Surat Pekeling Am Bilangan 6 Tahun 2005: Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam dan pemakaian Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 12 Ogos 2015: Pelaksanaan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Menggunakan MyRAM App.2.0 di agensi Sektor Awam.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan perlu mengenalpasti tindakan yang sewajarnya bagi menghadapi kemungkinan risiko berlaku dengan memilih tindakan berikut:

- a. mengurangkan risiko dengan melaksanakan kawalan yang bersesuaian;
- b. menerima dan/ atau bersedia berhadapan dengan risiko yang akan terjadi selagi ia memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengurusan jabatan;
- c. mengelak dan/atau mencegah risiko dari terjadi dengan mengambil tindakan yang dapat mengelak dan/ atau mencegah berlakunya risiko; dan
- d. memindahkan risiko kepada pihak lain seperti pembekal, pakar runding dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

BIDANG 01 PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN DASAR		
0101 Dasar Keselamatan ICT		
<p>Objektif:</p> <p>Menerangkan hala tuju dan sokongan pengurusan terhadap keselamatan maklumat dan Aset ICT selaras dengan keperluan Kerajaan Negeri Sembilan dan perundangan yang berkaitan.</p>		
010101 Pelaksanaan Dasar		
Pelaksanaan dasar ini akan dijalankan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dibantu oleh Jawatankuasa Pemandu ICT Kerajaan Negeri Sembilan (JPICTNS) yang terdiri daripada senarai di sub bidang 020109 – Jawatan Kuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (DKICTNS) . Pelaksanaan dasar ini hendaklah disokong oleh prosedur-prosedur yang lebih terperinci untuk memastikan keberkesanan penyataan dasar.	Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, CIO dan ICTSO	
010102 Penyebaran Dasar		
Dasar ini perlu disebarkan kepada semua pengguna ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan termasuk	ICTSO	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>kakitangan, pembekal, pakar runding dan lain-lain.</p> <p>010103 Penyelenggaraan Dasar</p> <p>DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah tertakluk kepada semakan dan pindaan dari semasa ke semasa termasuk kawalan keselamatan, prosedur dan proses selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan, dasar Kerajaan dan kepentingan sosial.</p> <p>Berikut adalah prosedur yang berhubung dengan penyelenggaraan DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. kenal pasti dan tentukan perubahan yang diperlukan; ii. kemuka cadangan pindaan secara bertulis kepada ICTSO untuk pembentangan dan persetujuan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kerajaan Negeri Sembilan (JPICTNS); iii. maklum kepada semua pengguna ICT perubahan yang telah dipersetujui oleh mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kerajaan Negeri Sembilan (JPICTNS); dan 	<p>JPICTNS dan ICTSO</p>
---	----------------------------------

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi
		3.0
		Tarikh
		12 Feb 2019

<p>iv. dasar ini hendaklah dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun atau mengikut keperluan semasa untuk memastikan dasar sentiasa relevan dan efisien.</p>	
010104 Pematuhan Dasar	
DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah terpakai kepada semua pengguna ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan tiada pengecualian diberikan.	Semua

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

BIDANG 02 - ORGANISASI KESELAMATAN

0201 Struktur Organisasi Dalaman

Objektif:

Menerangkan peranan dan tanggungjawab individu yang terlibat dengan lebih jelas dan teratur dalam mencapai objektif DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

020101 Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berperanan dan bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut:

- i. menetapkan hala tuju dan strategi untuk pelaksanaan keselamatan ICT bagi semua Jabatan/ Agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan;
- ii. memastikan semua pengguna memahami peruntukan-peruntukan di bawah DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan;
- iii. memastikan semua pengguna mematuhi DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan;

Setiausaha
Kerajaan Negeri
Sembilan

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iv. memastikan semua keperluan organisasi (sumber kewangan, sumber manusia dan perlindungan keselamatan) adalah mencukupi; v. memastikan penilaian risiko dan program keselamatan ICT dilaksanakan seperti yang ditetapkan di dalam DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; dan vi. mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kerajaan Negeri Sembilan (JPICTNS). 	
020102 Ketua Pegawai Maklumat (CIO)	
<p>Ketua Pegawai Maklumat atau <i>Chief Information Officer</i> (CIO) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ialah Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ketua Jabatan dan Pegawai yang dilantik. Peranan dan tanggungjawab CIO adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. membantu Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan keselamatan ICT; ii. menentukan keperluan keselamatan ICT; 	CIO

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iii. menguatkuasakan DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; iv. memperkasakan tadbir urus keselamatan ICT Jabatan/ Agensi; v. merancang pelan latihan dan program kesedaran keselamatan ICT seperti penyediaan/ pengemaskinian DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pengurusan risiko dan pgauditian; dan vi. bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. 	
--	--

<p>020103 Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)</p>	
<p>Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ialah Ketua Jabatan ICT di Jabatan/Agensi masing-masing. Peranan dan tanggungjawab ICTSO yang dilantik adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengurus, menyedia dan melaksanakan keseluruhan program-program keselamatan ICT; ii. membantu menguatkuasakan pelaksanaan DKICT; 	ICTSO

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iii. memberi penerangan dan pendedahan berkenaan DKICT kepada semua pengguna; iv. mewujudkan garis panduan, prosedur dan tatacara selaras dengan keperluan DKICT; v. menjalankan pengurusan risiko dan keselamatan ICT; vi. menjalankan audit, kajian semula, merumus tindak balas pengurusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan berdasarkan hasil penemuan dan menyediakan laporan mengenainya; vii. memberi amaran terhadap kemungkinan berlakunya ancaman berbahaya seperti virus dan memberi khidmat nasihat serta menyediakan langkah-langkah perlindungan yang bersesuaian; viii. melaporkan insiden keselamatan ICT kepada Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Sembilan (CERTNS), CIO dan kepada pihak NACSA sekiranya perlu; ix. bekerjasama dengan semua pihak yang berkaitan dalam mengenalpasti punca ancaman atau insiden keselamatan ICT dan memperakukan langkah- 	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>langkah baik pulih dengan segera;</p> <ul style="list-style-type: none"> x. menjalankan penilaian untuk memastikan tahap keselamatan ICT dan mengambil tindakan pemulihan atau pengukuhan bagi meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur ICT supaya insiden baru dapat dielakkan; dan xi. bertanggungjawab sebagai Koordinator Pengurusan Pelan Pemulihan Bencana/ <i>Disaster Recovery Plan</i> (DRP) Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. 	
--	--

020104 Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)

<p>Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) merupakan pegawai yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan dalam Jabatannya seperti yang ditetapkan di Para 16, Buku Arahan Keselamatan Kerajaan. Peranan dan tanggungjawab PKJ adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan dokumen dan maklumat rasmi Jabatan/Agensi, bangunan dan harta benda Kerajaan daripada sebarang ancaman, kecurian, kebakaran dan sebagainya dengan mengambilkira 	Pegawai Keselamatan Jabatan
---	-----------------------------------

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>langkah-langkah melindungi selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan;</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. mengemukakan perakuan-perakuan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Jabatan cadangan-cadangan untuk meningkatkan langkah-langkah Keselamatan Perlindungan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian; iii. mewakili Jabatan/Agensi Kerajaan dalam menghadiri mesyuarat mengenai keselamatan dari semasa ke semasa dan jika diperlukan hendaklah membentangkan laporan keselamatan Agensi/Jabatan serta isu-isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan/Agensi; iv. mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke atas bangunan, sistem pendawaian elektrik, bilik komputer, bilik dokumen dan peralatan, kawasan pejabat dan semua perkara di bawah tanggungjawabnya bagi memastikan dalam keadaan yang selamat dan tidak terdedah kepada ancaman dan risiko; v. menganjurkan kursus dan taklimat kesedaran Keselamatan Perlindungan; dan 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>vi. melaksanakan tugas-tugas lain yang ditetapkan dalam peraturan- peraturan keselamatan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dan yang dipinda dari semasa ke semasa.</p>	
<p>020105 Pengurus ICT</p>	
<p>Pengurus ICT merupakan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan keselamatan ICT meliputi aplikasi, operasi dan rangkaian di bawah kawalannya. Peranan dan tanggungjawab Pengurus ICT adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengkaji semula dan melaksanakan kawalan keselamatan ICT selaras dengan keperluan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; ii. melaksanakan sistem kawalan capaian pengguna ke atas aset ICT; iii. melaporkan sebarang perkara atau penemuan mengenai keselamatan ICT kepada ICTSO; iv. menyimpan rekod, bahan bukti dan laporan terkini mengenai ancaman keselamatan ICT; v. memastikan semua kakitangan, perunding, kontraktor dan pembekal yang terlibat dengan Jabatan/Agensi mematuhi dasar, piawaian dan garis 	<p>Pengurus ICT</p>

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>panduan keselamatan ICT dan seterusnya melaporkan sebarang insiden berkaitan keselamatan ICT;</p> <p>vi. melaksanakan keperluan DKICT dalam operasi semasa seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pelaksanaan sistem atau aplikasi baru sama ada dibangunkan secara dalaman atau luaran; • pembelian atau peningkatan perisian dan sistem komputer; • perolehan teknologi dan perkhidmatan komunikasi; dan • memastikan pihak luaran melaksanakan peranan seperti di sub bidang 0202 – Pihak Luaran. <p>vii. membangunkan garis panduan, prosedur dan tatacara untuk aplikasi khusus (sekiranya perlu); dan</p> <p>viii. membangun, mengkaji semula dan mengemas kini pelan kontingensi keselamatan ICT.</p>	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

020106 Pentadbir Sistem ICT	Pentadbir Sistem ICT
<p>Pentadbir Sistem ICT bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbir Rangkaian Dan Keselamatan; ii. Pentadbir Pangkalan Data; iii. Pentadbir Portal/Laman Web (Webmaster); iv. Pentadbir Pusat Data/<i>Bilik Server</i>; v. Pentadbir Sistem Aplikasi; dan vi. Pentadbir E-Mel. 	

020106A Pentadbir Rangkaian Dan Keselamatan	Pentadbir Rangkaian Dan Keselamatan
<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Rangkaian dan Keselamatan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan rangkaian setempat (LAN) dan rangkaian luas (WAN) di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan beroperasi sepanjang masa; ii. memastikan semua peralatan dan perisian rangkaian 	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>dan keselamatan diselenggarakan dengan sempurna;</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. merancang peningkatan infrastruktur, ciri-ciri keselamatan dan prestasi rangkaian sedia ada; iv. mengesan dan mengambil tindakan pembaikan segera ke atas rangkaian yang tidak stabil; v. memantau penggunaan rangkaian dan melaporkan kepada ICTSO sekiranya berlaku penyalahgunaan sumber rangkaian; vi. memastikan laluan trafik keluar dan masuk diuruskan secara berpusat dan tidak membenarkan sambungan ke rangkaian Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan secara tidak sah seperti melalui peralatan modem dan <i>dial-up</i>; vii. menyediakan zon khas rangkaian untuk tujuan pengujian peralatan dan perisian rangkaian; dan viii. melaksanakan penilaian tahap keselamatan sistem rangkaian dan sistem ICT (<i>Security Posture Assessment (SPA)</i>) serta penilaian risiko keselamatan maklumat. 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

020106B Pentadbir Pangkalan Data	
<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Pangkalan Data adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. melaksanakan polisi pengguna pangkalan data berdasarkan kepada prinsip-prinsip DKICT; ii. melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan yang berterusan ke atas pangkalan data; iii. memastikan aktiviti pentadbiran pangkalan data seperti kawalan capaian dan proses pengemaskinian data dilaksanakan dengan teratur; dan iv. melaporkan sebarang insiden pelanggaran dasar keselamatan pangkalan data kepada ICTSO. 	Pentadbir Pangkalan Data

020106C Pentadbir Laman Web (Webmaster)	
<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Laman Web (<i>Webmaster</i>) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menerima kandungan laman web yang telah disahkan kesahihan dan terkini daripada sumber yang sah; 	Pentadbir Laman Web (<i>Webmaster</i>)

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. memantau dan menganalisis log untuk mengesan sebarang capaian yang tidak sah atau cubaan menggodam, menceroboh dan mengubahsuai muka laman; iii. memastikan reka bentuk web dibangunkan dengan ciri-ciri keselamatan supaya tidak dicerobohi; iv. melaksanakan <i>housekeeping</i> keselamatan terhadap sistem pengoperasian dan perisian-perisian lain di <i>web server</i>, dan v. melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan laman web kepada ICTSO. 	
---	--

020106D Pentadbir Pusat Data/Bilik Server

<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Pusat Data/Bilik Server adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan persekitaran fizikal dan keselamatan pusat data dalam keadaan baik dan selamat; ii. memastikan keselamatan data dan sistem aplikasi di dalam Pusat Data/Bilik Server; iii. menjadual dan melaksanakan proses <i>backup</i> dan <i>restoration</i> ke atas pangkalan data dan sistem secara 	Pentadbir Pusat Data
---	-------------------------

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>berkala; dan</p> <p>iv. melaporkan sebarang pelanggaran keselamatan Pusat Data/Bilik Server kepada ICTSO.</p>	<p>020106E Pentadbir Sistem Aplikasi</p>
<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Sistem Aplikasi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengkaji cadangan pembangunan atau penyelarasan sistem; ii. membuat kajian semula serta menambahbaik sistem sedia ada; iii. membuat pemantauan dan penyelenggaraan terhadap sistem; iv. bertanggungjawab dalam aspek-aspek pelaksanaan keseluruhan sistem; v. menyediakan dokumentasi sistem dan manual pengguna; vi. memastikan kelancaran operasi sistem aplikasi supaya perkhidmatan yang disediakan tidak terjejas; 	<p>Pentadbir Sistem Aplikasi</p>

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>vii. memastikan kod-kod program sistem aplikasi adalah selamat daripada penggodam sebelum sistem tersebut diaktifkan penggunaannya;</p> <p>viii. mematuhi dan melaksanakan prinsip-prinsip DKICT dalam pewujudan akaun pengguna ke atas setiap sistem aplikasi; dan</p> <p>ix. melaporkan kepada ICTSO jika berlakunya insiden keselamatan ke atas sitem aplikasi di bawah seliaannya.</p>	
---	--

020106F Pentadbir E-mel	
<p>Peranan dan tanggungjawab Pentadbir E-mel adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menentukan setiap akaun yang diwujudkan atau dibatalkan telah mendapat kelulusan. Pembatalan akaun (pengguna yang berhenti, bertukar dan melanggar dasar dan polisi) perlulah dilakukan dengan segera atas tujuan keselamatan maklumat; ii. Pentadbir E-mel boleh membekukan akaun pengguna jika perlu semasa pengguna bercuti panjang, berkursus atau menghadapi tindakan tatatertib; 	Pentadbir E-mel

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>iii. memastikan kemudahan membuat capaian E-mel melalui pelbagai peralatan ICT dan alat komunikasi;</p> <p>iv. memastikan pengguna e-mel Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan berkemahiran menggunakan e-mel melalui penyediaan dokumen Polisi Penggunaan E-mel Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pelaksanaan kursus Pembudayaan ICT (Penggunaan E-mel) secara berterusan; dan</p> <p>v. melaporkan sebarang pelanggaran penggunaan perkhidmatan e-mel kepada ICTSO.</p>	
020107 Pegawai Aset	

<p>Pegawai Aset adalah pegawai yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan Aset (JKPAK) / Ketua Jabatan. Peranan dan tanggungjawab Pegawai Aset adalah seperti yang terkandung di dalam 1 Pekeliling Perbendaharaan :</p> <p>Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. bertanggungjawab terhadap kesiapsediaan, selenggaraan dan keselamatan aset untuk kegunaan harian; dan ii. bertanggungjawab memantau perkakasan ICT yang diagihkan kepada pengguna. 	Pegawai Aset
---	--------------

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

020108 Pengguna		
<p>Pengguna mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. membaca, memahami dan mematuhi DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; ii. mengetahui dan memahami implikasi keselamatan ICT kesan dari tindakannya; iii. menjalani tapisan keselamatan sekiranya dikehendaki berurusan dengan maklumat rasmi terperingkat; iv. melaksanakan prinsip-prinsip DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan menjaga kerahsiaan maklumat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; v. melaksanakan langkah-langkah perlindungan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan; b. memeriksa maklumat dan menentukan ia tepat dan lengkap dari semasa ke semasa; 	Pengguna	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>c. menjaga kerahsiaan kata laluan;</p> <p>d. mematuhi standard, prosedur, langkah dan garis panduan keselamatan ICT yang ditetapkan;</p> <p>e. melaksanakan peraturan berkaitan maklumat terperingkat terutama semasa pewujudan, pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan; dan</p> <p>f. menjaga kerahsiaan langkah-langkah keselamatan ICT dari diketahui umum.</p> <p>vi. melaporkan sebarang aktiviti yang mengancam keselamatan ICT kepada ICTSO dengan segera;</p> <p>vii. menghadiri program-program kesedaran mengenai keselamatan ICT; dan</p> <p>viii. mengawal aktiviti penggunaan media sosial seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. mengelakkan ketirisan maklumat; b. tidak memberi atau mendedahkan sebarang 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>komen, pernyataan atau isu yang menyentuh perkara-perkara yang boleh menjasakan imej dan dasar kerajaan;</p> <p>c. tidak menyebarkan maklumat yang berbentuk fitnah, hasutan dan lucah atau cuba memprovokasikan sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu; dan</p> <p>d. tidak menggunakan saluran media sosial hingga mengganggu fokus dalam urusan kerja.</p> <p>ix. menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan seperti di Lampiran 1.</p>	
---	--

020109 Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (JPICTNS)	
<p>Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (JPICTNS) merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam keselamatan ICT dan berperanan sebagai penasihat dan pemangkin dalam merumuskan rancangan dan strategi keselamatan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Keanggotaan JPICTNS adalah seperti berikut:</p>	JPICTNS

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri</p> <p>Ahli Tetap:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Kewangan Negeri; 2. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan); 3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan); 4. Pengarah, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat; 5. Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat; 6. Perunding ICT, MAMPU; 7. Perunding ICT, ICU, JPM; 8. Ketua Jabatan/Agenси Teknikal : <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan; • Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan; • PlanMalaysia@Negeri Sembilan; • Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan; dan • Pejabat Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan. 9. Ketua – Ketua Bahagian PSUKNS : <ul style="list-style-type: none"> • Unit Pembangunan Ekonomi Negeri; • Unit Kerajaan Tempatan; • Unit Perumahan; • Bahagian Pembangunan Sumber Manusia; • Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti; dan 	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> • Unit Audit Dalam. <p>10. Pihak Berkuasa Tempatan ; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majlis Perbandaran Seremban; • Majlis Perbandaran Nilai; dan • Majlis Perbandaran Port Dickson. <p>11. Semua Pegawai ICT, UPTM Gred 44 dan ke atas.</p>	
<p><u>Ahli Bukan Tetap (Panel Jemputan):</u></p> <p>Ahli Jawatankuasa Bukan Tetap (Panel Jemputan) boleh dilantik mengikut kesesuaian isu atau permasalahan yang dibincangkan mengikut agenda mesyuarat. Wakil Jabatan/Agensi yang dijemput hendaklah memainkan peranan sebagai pakar rujuk/penasihat dalam bidang berkaitan.</p> <p><u>Urus Setia:</u></p> <p>Seksyen Multimedia, Korporat dan Koordinasi ICT (MKK), Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM).</p> <p>Bidang kuasa JPICTNS adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; ii. merancang, mengenalpasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah 	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>tuju/strategi ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri;</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT Jabatan/Agensi pentadbiran Kerajaan Negeri; iv. menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara Jabatan/Agensi pentadbiran Kerajaan Negeri dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam; v. mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek-projek ICT antara semua Jabatan/Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri; vi. merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT; vii. memantau perkembangan program ICT Jabatan/Agensi pentadbiran Kerajaan Negeri serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT; viii. meluluskan perolehan ICT bagi Jabatan/Agensi pentadbiran Kerajaan Negeri berdasarkan keperluan sebenar dengan perbelanjaan yang 	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

<p>berhemah serta mematuhi pekeliling/peraturan semasa yang berkaitan;</p> <ul style="list-style-type: none"> ix. menyelaras dan mengemukakan laporan perolehan ICT Jabatan/Agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri kepada Urus Setia JTICT menikut tempoh yang telah ditetapkan; dan x. menyelaras pelaksanaan program-program merapatkan jurang digital peringkat negeri. 	
<p>020110 Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Sembilan (CERTNS)</p>	
<p>Pasukan CERTNS ditubuhkan bagi membantu mengendalikan insiden keselamatan ICT, mengawasi dan memberi nasihat berkaitan keselamatan ICT kepada agensi-agensi di bawah kawalannya.</p> <p>Keanggotaan CERTNS adalah seperti berikut:</p> <p><u>Pengarah :</u></p> <p>Pengarah Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM)</p>	CERTNS

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

Pengurus :

Penolong Pengarah (Kanan) (Operasi dan Rangkaian),
Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM)

Ahli Tetap:

1. Timbalan Pengarah, UPTM
2. Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem), UPTM
3. Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Multimedia, Korporat & Koordinasi ICT), UPTM
4. Penolong Pengarah (Seksyen Keselamatan & Pangkalan Data), UPTM
5. Penolong Pengarah (Seksyen Operasi & Sokongan Teknikal), UPTM
6. Penolong Pengarah (Seksyen Perancangan Infrastruktur & Rangkaian ICT), UPTM
7. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Keselamatan & Pangkalan Data), UPTM
8. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Operasi & Sokongan Teknikal), UPTM
9. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Perancangan Infrastruktur & Rangkaian ICT), UPTM
10. Pegawai Teknologi Maklumat, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan; dan
11. Pegawai Teknologi Maklumat, Pejabat Kewangan Negeri Sembilan.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

Ahli Dilantik:

1. Unit Pengurusan Teknologi Maklumat;
2. Wakil Pihak Berkuasa Tempatan;
3. Wakil Pejabat Tanah dan Daerah; dan
4. Wakil Jabatan/Agensi

Peranan dan tanggungjawab CERTNS adalah seperti berikut:

- i. menerima dan mengesan aduan keselamatan ICT serta menilai tahap dan jenis insiden;
- ii. merekodkan dan menjalankan siasatan awal insiden yang diterima;
- iii. menangani tindak balas insiden keselamatan ICT dan mengambil tindakan baik pulih minimum;
- iv. menasihati agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan supaya mengambil tindakan pemulihan dan pengukuhan; dan
- v. menyebarkan makluman berkaitan pengukuhan keselamatan ICT kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

0202 Pihak Luaran	
<p>Objektif:</p> <p>Menjamin keselamatan semua Aset ICT yang digunakan oleh pihak luaran. Pihak luaran adalah terdiri daripada pembekal, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam penggunaan atau capaian kepada aset dan perkhidmatan ICT Jabatan.</p>	
020201 Keperluan Keselamatan Kontrak dengan Pihak Luaran	
<p>Ini bertujuan memastikan penggunaan Aset ICT, penggunaan maklumat dan kemudahan proses maklumat oleh pihak luaran dikawal. Perkara yang perlu dipatuhi termasuk perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengenal pasti risiko keselamatan maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat serta melaksanakan kawalan yang sesuai sebelum memberi kebenaran capaian; ii. mengenal pasti keperluan keselamatan sebelum memberi kebenaran capaian atau penggunaan kepada pihak luaran; iii. akses kepada Aset ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan perlu berlandaskan kepada prosedur-prosedur keselamatan yang berkaitan; 	CIO, ICTSO, Pengurus ICT, Pentadbir Sistem ICT dan Pihak Luaran

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>iv. memastikan semua syarat keselamatan dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian dengan pihak luaran. Perkara-perkara berikut hendaklah dimasukkan dalam perjanjian yang dimeterai.</p> <ul style="list-style-type: none"> a. DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan; b. <i>Non-Disclosure Agreement (NDA)</i>; c. Arahan Teknologi Maklumat 2007 (<i>IT Instructions</i>); d. Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972; dan e. Tapisan keselamatan. <p>v. membaca, memahami dan menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan seperti di Lampiran 1, <i>Non-Disclosure Agreement (NDA)</i> seperti di Lampiran 2 dan Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti di Lampiran 3.</p>	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

BIDANG 03 PENGURUSAN ASET

0301 Akauntabiliti Aset

Objektif:

Memberi dan menyokong perlindungan yang sepatutnya ke atas semua Aset ICT pelbagai Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

030101 Inventori Aset ICT

Ini bertujuan memastikan semua Aset ICT diberi kawalan dan perlindungan yang sesuai oleh pemilik atau pemegang amanah masing-masing. Perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

Pegawai Aset
dan
Pengguna

- i. memastikan semua aset ICT dikenal pasti, dikelas, didokumen, diselenggara dan dilupuskan. Maklumat aset direkod dan dikemaskini dalam Sistem Pengurusan Aset, Kad Daftar Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah sebagaimana mengikut Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1 Tahun 2013 : Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
- ii. memastikan semua Aset ICT mempunyai pemilik dan dikendalikan oleh pengguna yang dibenarkan sahaja;

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>iii. memastikan semua pengguna mengesahkan penempatan Aset ICT yang ditempatkan di semua Jabatan/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan;</p> <p>iv. peraturan bagi pengendalian Aset ICT hendaklah dikenal pasti, didokumen dan dilaksanakan oleh Pegawai Aset;</p> <p>v. setiap pengguna adalah bertanggungjawab ke atas semua Aset ICT di bawah kawalannya termasuk Aset ICT yang dipinjamkan;</p> <p>vi. pengguna yang dibekalkan dengan Aset ICT bertanggungjawab melaporkan kerosakan kepada Pegawai Aset; dan</p> <p>vii. Ketua Jabatan atau pegawai bertanggungjawab hendaklah membuat laporan polis dengan segera, tidak lewat dari 24 jam selepas berlaku kehilangan.</p>	
---	--

0302 Pengelasan dan Pengendalian Maklumat

Objektif:

Memastikan setiap maklumat atau Aset ICT diberikan tahap perlindungan yang bersesuaian.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

030201 Pengelasan Maklumat		
<p>Maklumat hendaklah dikelaskan atau dilabelkan sewajarnya oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut dokumen Arahan Keselamatan.</p> <p>Setiap maklumat yang dikelaskan hendaklah mempunyai peringkat keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam dokumen Arahan Keselamatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rahsia Besar; ii. Rahsia; iii. Sulit; atau iv. Terhad. 	Pengguna	
030202 Pengendalian Maklumat		
<p>Aktiviti pengendalian maklumat seperti mengumpul, memproses, menyimpan, menghantar, menyampai, menukar dan memusnahkan hendaklah mengambil kira langkah-langkah keselamatan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan; ii. memeriksa maklumat dan menentukan ia tepat dan lengkap dari semasa ke semasa; 	Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iii. menentukan maklumat sedia untuk digunakan; iv. menjaga kerahsiaan kata laluan; v. mematuhi standard, prosedur, langkah dan garis panduan keselamatan yang ditetapkan; vi. memberi perhatian kepada maklumat terperingkat terutama semasa pewujudan, pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan; dan vii. menjaga kerahsiaan langkah-langkah keselamatan ICT dari diketahui umum. 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

BIDANG 04 KESELAMATAN SUMBER MANUSIA

0401 Keselamatan Sumber Manusia Dalam Tugasan Harian

Objektif:

Memastikan semua sumber manusia yang terlibat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan pihak-pihak yang berkepentingan memahami tanggungjawab dan peranan, meningkatkan pengetahuan dalam keselamatan Aset ICT serta mematuhi terma dan syarat perkhidmatan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

040101 Sebelum Perkhidmatan

Memastikan semua pengguna yang berkepentingan memahami tanggungjawab masing-masing ke atas keselamatan aset ICT bagi meminimumkan risiko seperti kesilapan, kecuaian, penipuan dan penyalahgunaan aset ICT.

Pentadbir
Sistem ICT
dan
Pengguna

Perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- i. menyatakan dengan lengkap serta jelas peranan dan tanggungjawab semua pengguna di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pihak luaran yang terlibat dalam menjamin keselamatan Aset ICT sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan;

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. menjalankan tapisan keselamatan untuk semua pengguna di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pihak luaran yang terlibat berdasarkan keperluan perundangan, peraturan dan etika terpakai yang selaras dengan keperluan perkhidmatan, peringkat maklumat yang akan dicapai serta risiko yang dijangkakan; iii. memastikan pihak luaran menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, <i>Non-Disclosure Agreement (NDA)</i>, Arahan Teknologi Maklumat 2007 (<i>IT Instructions</i>), Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Tapisan Keselamatan; dan iv. mematuhi semua terma dan syarat perkhidmatan yang ditawarkan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa berdasarkan perjanjian yang telah ditetapkan. 	
---	--

040102 Dalam Perkhidmatan	
<p>Memastikan semua pengguna yang berkepentingan sedar akan ancaman keselamatan maklumat, peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk menyokong DKICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan meminimumkan risiko kesilapan, kecuaian, kecurian, penipuan dan penyalahgunaan aset ICT.</p>	Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan semua pengguna di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pihak luaran yang berkepentingan mengurus keselamatan Aset ICT berdasarkan perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan atau Jabatan/Agensi yang berkenaan; ii. memastikan latihan kesedaran dan yang berkaitan mengenai pengurusan keselamatan Aset ICT diberi kepada pengguna ICT di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan secara berterusan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka, dan sekiranya perlu diberi kepada pihak luaran yang berkepentingan dari semasa ke semasa; iii. memastikan adanya proses tindakan disiplin dan/atau undang-undang ke atas pegawai dan kakitangan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan serta pihak luaran yang berkepentingan sekiranya berlaku perlanggaran dengan perundangan dan peraturan ditetapkan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan atau Jabatan/Agensi yang berkenaan; dan 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>iv. memantapkan pengetahuan berkaitan dengan penggunaan Aset ICT bagi memastikan setiap kemudahan ICT digunakan dengan cara dan kaedah yang betul demi menjamin kepentingan keselamatan ICT. Sebarang kursus dan latihan teknikal yang diperlukan, pengguna boleh merujuk kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan atau Jabatan/Agensi yang berkenaan.</p>	
040103 Bertukar Atau Tamat Perkhidmatan	
<p>Memastikan pertukaran, tamat perkhidmatan atau perubahan bidang tugas semua pengguna yang berkepentingan diuruskan dengan teratur.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan semua Aset ICT dikembalikan kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan/Agensi yang berkenaan mengikut peraturan dan/atau terma perkhidmatan yang ditetapkan; dan ii. membatalkan atau menarik balik semua kebenaran capaian ke atas maklumat dan kemudahan proses maklumat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan/Agensi yang berkenaan. 	Pentadbir Sistem ICT, Pegawai Aset dan Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

040104 Program Kesedaran Keselamatan ICT

Semua pengguna yang berkepentingan perlu diberikan program kesedaran mengenai keselamatan ICT secara berterusan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

ICTSO
dan
Pengurus ICT

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

BIDANG 05 KESELAMATAN FIZIKAL DAN PERSEKITARAN

0501 Keselamatan Kawasan

Objektif:

Melindungi premis dan maklumat daripada sebarang bentuk pencerobohan, ancaman, kerosakan serta capaian yang tidak dibenarkan.

050101 Kawalan Kawasan

<p>Ini bertujuan untuk menghalang capaian, kerosakan dan gangguan secara fizikal terhadap premis dan maklumat jabatan. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kawasan keselamatan fizikal hendaklah dikenalpasti dengan jelas. Lokasi dan keteguhan keselamatan fizikal hendaklah bergantung kepada keperluan untuk melindungi aset dan hasil penilaian risiko. Contoh: Pusat Data/Bilik Server/; ii. menggunakan keselamatan perimeter (halangan seperti dinding, pagar kawalan, pengawal keselamatan) untuk melindungi kawasan yang mengandungi maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat; 	CIO, ICTSO, Pegawai Aset dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ)
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iii. memasang alat penggera atau kamera litar tertutup (CCTV); iv. menghadkan laluan keluar masuk dengan penggunaan sistem imbasan biometrik; v. mewujudkan kaunter perkhidmatan dan kawalan; vi. menyediakan tempat atau bilik khas pelawat; vii. melindungi kawasan terhad melalui kawalan pintu masuk yang bersesuaian bagi memastikan kakitangan yang diberi kebenaran sahaja boleh melalui pintu masuk ini; viii. merekabentuk dan melaksanakan keselamatan fizikal di dalam bangunan dan kawasan yang berisiko; ix. merekabentuk dan melaksanakan perlindungan fizikal daripada bencana seperti kebakaran, banjir, letusan dan sebagainya; x. menyediakan garis panduan untuk pegawai dan kakitangan yang bekerja di dalam kawasan larangan; dan xi. memastikan kawalan keluar masuk dikawasan penghantaran, pemunggahan dan lain-lain tempat. 	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050102 Kawalan Masuk Fizikal	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk: i. setiap pegawai dan kakitangan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah memakai atau mengenakan pas keselamatan sepanjang waktu bertugas; ii. semua pas keselamatan hendaklah diserahkan balik kepada ketua jabatan apabila pegawai dan kakitangan bertukar, berhenti atau bersara; iii. setiap pelawat hendaklah mendapatkan Pas Keselamatan Pelawat di pintu kawalan utama atau jabatan terlibat. Pas ini hendaklah dikembalikan semula selepas tamat lawatan; dan iv. kehilangan pas hendaklah dilaporkan dengan segera.	Pentadbir Sistem ICT
050103 Kawasan Larangan	Kawasan larangan ditakrifkan sebagai kawasan yang dihadkan kemasukan kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja. Ini dilaksanakan untuk melindungi Aset ICT yang terdapat di dalam kawasan tersebut.	Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Pengurus ICT,

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>Kawasan larangan adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bilik YAB Menteri Besar; ii. Bilik YB SUK; iii. Bilik EXCO; iv. Bilik Timbalan SUK; v. Dewan Undangan Negeri; vi. Bilik Pegawai Daerah/Yang Dipertua; vii. Bilik Ketua Jabatan/Bahagian/Unit; viii. Pusat Data/ Bilik Server; ix. Bilik peralatan keselamatan; x. <i>Disaster Recovery Centre (DRC)</i>; dan xi. Kawasan yang berisiko <p>Akses kepada kawasan larangan hanyalah kepada pegawai yang dibenarkan sahaja. Kawasan ini mestilah dilindungi daripada sebarang ancaman, kelemahan dan risiko seperti pencerobohan, kebakaran dan bencana alam. Kawalan keselamatan ke atas premis tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sumber data atau pelayan, peralatan komunikasi dan storan perlu ditempatkan di pusat data, bilik server atau bilik khas yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi termasuk sistem pencegah kebakaran; ii. akses adalah terhad kepada pegawai yang telah diberi kuasa sahaja dan dipantau pada setiap masa; 	Pentadbir Sistem ICT, Pihak Luaran dan Pengguna
---	---

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> iii. pemantauan dibuat menggunakan kamera CCTV atau lain-lain kaedah yang sesuai; iv. peralatan keselamatan (CCTV, log akses) perlu diperiksa secara berjadual; v. butiran pelawat yang keluar masuk ke kawasan larangan perlu direkodkan; vi. pelawat yang dibawa masuk mesti diiringi oleh pegawai yang bertanggungjawab sepanjang tempoh di lokasi berkaitan; dan vii. pihak luaran adalah dilarang sama sekali untuk memasuki kawasan larangan kecuali bagi kes-kes tertentu seperti memberi perkhidmatan sokongan atau bantuan teknikal dan hendaklah diiringi sepanjang masa sehingga tugas di kawasan berkenaan selesai. 	
---	--

0502 Keselamatan Peralatan

Objektif:

Melindungi peralatan ICT jabatan daripada kehilangan, kerosakan, kecurian serta gangguan kepada peralatan tersebut.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050201 Peralatan ICT	
<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. pengguna hendaklah menyemak dan memastikan semua perkakasan ICT di bawah kawalannya berfungsi dengan sempurna; ii. pengguna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas komputer masing-masing dan tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran perkakasan dan konfigurasi yang telah ditetapkan; iii. pengguna dilarang sama sekali menambah, menanggal atau mengganti sebarang perkakasan ICT yang telah ditetapkan; iv. pengguna dilarang membuat instalasi sebarang perisian tambahan tanpa kebenaran Pentadbir Sistem ICT; v. pengguna adalah bertanggungjawab di atas kerosakan atau kehilangan peralatan ICT di bawah kawalannya; vi. pengguna mesti memastikan perisian antivirus di komputer peribadi mereka sentiasa aktif (<i>activated</i>) dan dikemaskini di samping melakukan imbasan ke atas media storan yang digunakan; 	Semua

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>vii. penggunaan kata laluan untuk akses ke sistem komputer adalah diwajibkan;</p> <p>viii. semua peralatan sokongan ICT hendaklah dilindungi daripada kecurian, kerosakan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian tanpa kebenaran;</p> <p>ix. perkakasan ICT yang kritikal perlu disokong oleh <i>Uninterruptable Power Supply</i> (UPS) dan perlu diletakkan di bilik yang berasingan bersuhu rendah yang dilengkapi dengan pengudaraan yang sesuai;</p> <p>x. semua perkakasan ICT hendaklah disimpan atau diletakkan di tempat yang teratur, bersih dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Peralatan rangkaian seperti <i>switches</i>, <i>hub</i>, <i>router</i> dan lain-lain perlu diletakkan di dalam rak khas dan berkunci;</p> <p>xi. semua peralatan yang digunakan secara berterusan hendaklah diletakkan di kawasan yang berhawa dingin dan mempunyai pengudaraan (<i>air ventilation</i>) yang sesuai;</p> <p>xii. perkakasan ICT yang hendak dibawa keluar dari premis jabatan perlulah mendapat kelulusan Pentadbir Sistem ICT/Ketua Jabatan dan direkodkan bagi tujuan pemantauan;</p>	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJANAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	--	---

<p>xiii. perkakasan ICT yang hilang hendaklah dilaporkan kepada ICTSO dan Pegawai Aset dengan segera;</p> <p>xiv. aset ICT yang hilang semasa di luar waktu pejabat hendaklah dikendalikan mengikut prosedur dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa;</p> <p>xv. pengendalian perkakasan ICT hendaklah mematuhi dan merujuk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>xvi. pengguna tidak dibenarkan mengubah perkakasan ICT dari tempat asal tanpa kebenaran Ketua Jabatan ICT/ Pentadbir Sistem ICT;</p> <p>xvii. sebarang kerosakan perkakasan ICT hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Aset/Ketua Jabatan ICT untuk di baik pulih;</p> <p>xviii. sebarang pelekat selain bagi tujuan rasmi tidak dibenarkan. Ini bagi menjamin perkakasan tersebut sentiasa berkeadaan baik;</p> <p>xix. konfigurasi alamat IP tidak dibenarkan diubah daripada alamat IP yang asal;</p>	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>xx. pengguna dilarang sama sekali mengubah kata laluan bagi pentadbir (<i>administrator password</i>) yang telah ditetapkan oleh Pentadbir Sistem ICT;</p> <p>xxi. pengguna bertanggungjawab terhadap perkakasan, perisian dan maklumat di bawah jagaannya dan hendaklah digunakan sepenuhnya bagi urusan rasmi sahaja;</p> <p>xxii. pengguna hendaklah memastikan semua perkakasan ICT dimatikan (<i>switch off</i>) apabila meninggalkan pejabat. Sebaiknya plag dicabut daripada suis utama (<i>main switch</i>) sebelum meninggalkan pejabat bagi mengelakkan kerosakan perkakasan ICT seperti komputer dan pencetak jika berlaku kejadian seperti petir, kilat dan sebagainya; dan</p> <p>xxiii. sebarang bentuk penyelewengan atau salah guna peralatan ICT hendaklah dilaporkan kepada ICTSO.</p>	050202 Media Storan
Media storan perlu berada dalam keadaan yang baik, selamat, terjamin kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan untuk digunakan. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:	Semua

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> i. media storan hendaklah disimpan di ruang penyimpanan yang baik dan mempunyai ciri-ciri keselamatan bersesuaian dengan kandungan maklumat; ii. akses untuk memasuki kawasan penyimpanan media storan hendaklah terhad kepada pengguna yang dibenarkan sahaja; iii. semua media storan perlu dikawal bagi mencegah capaian yang tidak dibenarkan, kecurian dan kemusnahan; iv. semua media storan yang mengandungi data kritikal hendaklah disimpan di dalam peti keselamatan (<i>data safe</i>) yang mempunyai ciri-ciri keselamatan termasuk tahan dari dipecahkan, api, air dan medan magnet; v. akses dan pergerakan media storan hendaklah direkodkan; vi. perkakasan <i>backup</i> hendaklah diletakkan di tempat yang terkawal; vii. mengadakan salinan atau penduaan (<i>backup</i>) pada media storan kedua bagi tujuan keselamatan dan bagi mengelakkan kehilangan data. Satu salinan pendua 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>harus disimpan di bangunan berbeza dan di luar jabatan;</p> <p>viii. storan dan peralatan <i>backup</i> hendaklah disimpan di lokasi yang berasingan yang lebih privasi dan tidak terbuka kepada umum. Akses untuk memasuki kawasan penyimpanan media hendaklah terhad kepada pengguna yang dibenarkan sahaja;</p> <p>ix. semua media storan data yang hendak dilupuskan hendaklah dihapuskan dengan teratur dan selamat;</p> <p>x. penghapusan maklumat atau kandungan media hendaklah mendapat kelulusan pemilik maklumat terlebih dahulu; dan</p> <p>xi. pengguna hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat salinan fail kerja harian ke dalam media storan peribadi.</p>	
050203 Media Tandatangan Digital	
<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah:</p> <p>i. pengguna hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas media tandatangan digital bagi melindungi daripada kecurian, kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan dan pengklonan;</p>	Semua

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. media ini tidak boleh dipindah milik atau dipinjamkan; dan iii. sebarang insiden kehilangan yang berlaku hendaklah dilaporkan segera kepada ICTSO atau CERTNS untuk tindakan selanjutnya. 	
050204 Media Perisian dan Aplikasi (Software)	
<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. hanya perisian yang diperakui sahaja dibenarkan bagi kegunaan di jabatan; ii. sistem aplikasi dalaman tidak dibenarkan di demonstrasi atau diagih kepada pihak lain kecuali dengan kebenaran Pengurus ICT; iii. lesen perisian (<i>registration code, serials, CD-keys</i>) perlu disimpan berasingan daripada <i>CD-ROM, disk</i> atau media berkaitan bagi mengelakkan dari berlakunya kecurian atau cetak rompak; dan iv. <i>source code</i> sesuatu sistem hendaklah disimpan dengan teratur dan sebarang pindaan hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan. 	Semua

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050205 Penyelenggaraan Perkakasan	
<p>Perkakasan hendaklah diselenggarakan dengan betul bagi memastikan kebolehsediaan, kerahsiaan dan integriti. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. semua perkakasan yang diselenggarakan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh pengeluar; ii. memastikan perkakasan hanya boleh diselenggarakan oleh kakitangan atau pihak yang dibenarkan sahaja; iii. bertanggungjawab terhadap setiap perkakasan bagi penyelenggaraan perkakasan sama ada dalam tempoh jaminan atau telah habis tempoh jaminan; iv. menyemak dan menguji semua perkakasan sebelum dan selepas proses penyelenggaraan; v. memaklumkan pengguna sebelum melaksanakan penyelenggaraan mengikut jadual yang ditetapkan atau atas keperluan; vi. semua penyelenggaraan hendaklah mendapat kebenaran daripada Pengurus ICT; dan vii. merekod kerja-kerja penyelenggaraan di dalam kad harta modal mengikut tatacara pengurusan aset. 	Pengurus ICT dan Pegawai Aset

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050206 Peralatan di Luar Premis	
<p>Perkakasan yang dibawa keluar dari premis jabatan adalah terdedah kepada pelbagai risiko. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. perkakasan perlu dilindungi dan dikawal sepanjang masa; ii. penyimpanan atau penempatan perkakasan hendaklah mengambil kira ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian; iii. setiap peralatan yang dibawa keluar premis wajib direkodkan; dan iv. sebarang kehilangan peralatan adalah di bawah tanggungjawab individu yang membawa keluar perkakasan tersebut. 	Pegawai Aset dan Pengguna
050207 Pelupusan Perkakasan	
<p>Pelupusan perkakasan ICT perlu dilakukan secara terkawal mengikut prosedur pelupusan di dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p>	Pegawai Aset dan Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> i. semua kandungan perkakasan khususnya maklumat rahsia rasmi hendaklah dihapuskan (sanitasi data/media) terlebih dahulu sebelum pelupusan dilaksanakan; ii. sekiranya maklumat perlu disimpan, maka pengguna boleh membuat penduaan (<i>backup</i>); iii. Pegawai Aset hendaklah mengenalpasti sama ada peralatan tertentu boleh dilupuskan atau sebaliknya; iv. perkakasan yang hendak dilupus perlu disimpan di tempat yang telah dikhaskan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan; v. data-data yang terkandung dalam storan perkakasan ICT yang akan dilupuskan sebelum dipindahmilik perlu dihapuskan dengan cara yang selamat; vi. Pegawai Aset bertanggungjawab merekodkan butir-butir pelupusan dan mengemaskini rekod pelupusan perkakasan ICT ke dalam kad harta modal mengikut tatacara pengurusan aset; vii. pelupusan perkakasan ICT hendaklah dilakukan secara berpusat dan mengikut prosedur pelupusan semasa yang berkuat kuasa; dan 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>viii. pengguna ICT adalah DILARANG SAMA SEKALI melakukan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. menyimpan mana-mana perkakasan ICT yang hendak dilupuskan untuk milik peribadi. Mencabut, menanggal dan menyimpan perkakasan tambahan dalaman CPU seperti RAM, <i>hardisk</i>, <i>motherboard</i> dan sebagainya; b. menyimpan dan memindahkan perkakasan luaran komputer seperti AVR, <i>speaker</i> dan mana-mana peralatan yang berkaitan ke mana-mana jabatan/bahagian di premis jabatan; c. memindah keluar dari premis jabatan mana-mana perkakasan ICT yang hendak dilupuskan; d. melupuskan sendiri peralatan ICT; dan e. memastikan segala maklumat sulit dan rahsia di dalam peralatan disalin pada media storan kedua sebelum menghapuskan maklumat secara kekal. 	
---	--

0503 Keselamatan Persekutaran

<p>Objektif:</p> <p>Melindungi Aset ICT jabatan daripada sebarang bentuk ancaman persekitaran yang disebabkan oleh bencana alam, kesilapan, kecuaian atau kemalangan.</p>
--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050301	Kawalan Persekutuan	
	<p>Bagi menghindarkan kerosakan dan gangguan terhadap premis dan Aset ICT, semua cadangan berkaitan premis sama ada untuk memperoleh, menyewa, mengubahsuai, membuat pembelian hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada ICTSO. Perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. merancang dan menyediakan pelan keseluruhan susun atur pusat data (bilik percetakan, peralatan komputer dan ruang atur pejabat dan sebagainya) dengan teliti; ii. semua ruang pejabat khususnya kawasan yang mempunyai kemudahan ICT hendaklah dilengkapi dengan perlindungan keselamatan yang mencukupi dan dibenarkan seperti alat pencegah kebakaran dan pintu kecemasan; iii. peralatan perlindungan hendaklah dipasang di tempat yang bersesuaian, mudah dikenali dan dikendalikan; iv. bahan mudah terbakar hendaklah disimpan di luar kawasan kemudahan penyimpanan Aset ICT; v. semua bahan cecair hendaklah diletakkan di tempat yang bersesuaian dan berjauhan dari Aset ICT; 	Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>vi. pengguna adalah dilarang merokok atau menggunakan peralatan memasak seperti cerek elektrik berhampiran peralatan komputer;</p> <p>vii. semua peralatan perlindungan hendaklah disemak dan diuji sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Aktiviti dan keputusan ujian ini perlu direkodkan bagi rujukan dan tindakan sekiranya perlu; dan</p> <p>viii. akses kepada saluran <i>riser</i> hendaklah sentiasa dikunci.</p>	
---	--

050302 Bekalan Kuasa

<p>Bekalan kuasa merupakan punca kuasa elektrik yang dibekalkan kepada peralatan ICT. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <p>i. semua peralatan ICT hendaklah dilindungi dari kegagalan bekalan elektrik dan bekalan yang sesuai hendaklah disalurkan kepada peralatan ICT;</p> <p>ii. peralatan sokongan seperti <i>Uninterruptable Power Supply</i> (UPS) dan penjana (<i>generator</i>) boleh digunakan bagi perkhidmatan kritikal seperti di pusat data/bilik <i>server</i> supaya mendapat bekalan kuasa berterusan; dan</p>	ICTSO dan PKJ
---	---------------------

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>iii. semua peralatan sokongan bekalan kuasa hendaklah disemak dan diuji secara berjadual oleh pihak yang bertauliah.</p>	<p>050303 Kabel Komputer / Rangkaian</p>
<p>Langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menggunakan kabel komputer/rangkaian mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan; ii. melindungi kabel komputer/rangkaian daripada kerosakan yang disengajakan atau tidak disengajakan; iii. melindungi laluan pemasangan kabel komputer/rangkaian sepenuhnya bagi mengelakkan ancaman kerosakan dan <i>wire tapping</i>; iv. kabel rangkaian perlu dilabelkan dengan jelas dan hendaklah melalui trunking bagi memastikan keselamatan kabel daripada kerosakan dan pintasan maklumat; dan v. penambahan/ perombakan/ <i>dismantle</i> kabel rangkaian perlu melalui Pentadbir Sistem ICT. 	<p>ICTSO dan Pentadbir Sistem ICT</p>

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

050304	Prosedur Kecemasan	
	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:	PKJ
0504		
Keselamatan Dokumen		
	Objektif: Melindungi maklumat jabatan daripada sebarang bentuk ancaman persekitaran disebabkan oleh bencana alam, kesilapan, kecuaian dan kebocoran maklumat.	
050401	Dokumen	
	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:	Pegawai Pengelasan Dokumen dan Pengguna
	i. setiap dokumen hendaklah difailkan dan dilabelkan mengikut klasifikasi keselamatan seperti Terbuka, Terhad, Sulit, Rahsia atau Rahsia Besar;	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. pergerakan fail dan dokumen hendaklah direkodkan dan perlulah mengikut prosedur keselamatan; iii. kehilangan dan kerosakan ke atas semua jenis dokumen perlu dimaklumkan mengikut prosedur Arahan Keselamatan; iv. pelupusan dokumen hendaklah mengikut prosedur keselamatan yang sedang berkuatkuasa sepetimana Arahan Keselamatan, Arahan Amalan (Jadual Pelupusan Rekod) dan tatacara Jabatan Arkib Negara; v. semua dokumen terperingkat yang disediakan dan dihantar secara elektronik perlu menggunakan kaedah enkripsi (<i>encryption</i>); dan vi. memastikan sistem penyimpanan dokumentasi mempunyai ciri-ciri keselamatan. 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

BIDANG 06 PENGURUSAN OPERASI DAN KOMUNIKASI		
0601 Pengurusan Prosedur Operasi		
<p>Objektif:</p> <p>Memastikan pengurusan operasi berfungsi dengan betul dan selamat daripada sebarang ancaman dan gangguan.</p>		
060101 Pengendalian Prosedur		
Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:	<ol style="list-style-type: none"> i. semua prosedur pengurusan operasi yang digunakan hendaklah didokumen, disimpan dan dikawal; dan ii. setiap prosedur hendaklah mengandungi arahan-arahan yang jelas, teratur, lengkap dan hendaklah dikemas kini mengikut keperluan. 	Semua
060102 Kawalan Perubahan		
Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:	<ol style="list-style-type: none"> i. peningkatan atau pengubahsuaian yang melibatkan perkakasan, perisian, sistem rangkaian, sistem 	Pengurus ICT, Pentadbir Sistem ICT, Pegawai Aset dan

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>aplikasi, dan prosedur hendaklah mendapat kebenaran daripada pegawai atasan;</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. aktiviti-aktiviti seperti memasang, menyelenggara, menghapus dan mengemaskini mana-mana komponen Aset ICT hendaklah dikendalikan oleh pegawai atau pihak yang diberi kebenaran; iii. semua aktiviti pengubahsuaian Aset ICT hendaklah mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan; iv. semua aktiviti peningkatan dan pengubahsuaian hendaklah direkod untuk tujuan kawalan dan semakan semula; dan v. setiap perubahan yang dilakukan perlu mendapat kelulusan Pengurus ICT dan direkodkan. 	Pengguna
060103 Pengasingan Tugas dan Tanggungjawab	
<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. skop tugas dan tanggungjawab perlu diasingkan bagi mengurangkan peluang berlaku penyalahgunaan atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan ke atas Aset ICT; 	ICTSO, Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>ii. tugas mewujud, memadam, mengemaskini, mengubah dan mengesahkan data hendaklah diasingkan bagi mengelakkan daripada capaian yang tidak dibenarkan serta melindungi Aset ICT daripada kesilapan, kebocoran maklumat atau di manipulasi; dan</p> <p>iii. persekitaran perkakasan yang digunakan bagi tujuan pembangunan sistem aplikasi (<i>development/staging</i>) dan penggunaan sebenar (<i>production</i>) hendaklah diasingkan.</p>	
---	--

0602 Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan Pihak Luaran

Objektif:

Memastikan pelaksanaan dan penyelenggaraan tahap keselamatan maklumat dan penyampaian perkhidmatan yang sesuai selaras dengan perjanjian perkhidmatan dengan pihak luaran.

060201 Penyampaian Perkhidmatan

Perkara-perkara yang mesti dipatuhi adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. memastikan kawalan keselamatan, definisi perkhidmatan dan tahap penyampaian yang 	Pengurus ICT, Pentadbir Sistem ICT dan Pihak Luaran
---	---

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJANAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	--	---

<p>terkandung dalam perjanjian dilaksanakan dan diselenggarakan oleh pihak luaran;</p> <p>ii. perkhidmatan, laporan dan rekod yang dikemukakan oleh pihak luaran perlu sentiasa dipantau, disemak semula dan diaudit oleh pegawai yang bertanggungjawab; dan</p> <p>iii. pengurusan kepada perubahan penyediaan perkhidmatan termasuk penyelenggaraan dan penambahan polisi keselamatan, prosedur dan kawalan maklumat sedia ada perlu mengambil kira tahap kritikal sistem dan proses yang terlibat serta penilaian semula risiko.</p>	
---	--

0603 Perancangan dan Penerimaan Sistem

Objektif:

Meminimumkan risiko yang menyebabkan gangguan dan kegagalan sistem.

060301 Perancangan Kapasiti	
------------------------------------	--

Kapasiti sesuatu komponen atau sistem ICT hendaklah dirancang, diurus dan dikawal dengan teliti oleh pegawai yang bertanggungjawab pada masa akan datang.	ICTSO, Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>Perancangan kapasiti ini juga perlu mengambil kira ciri-ciri keselamatan ICT bagi meminimumkan risiko gangguan dan kegagalan perkhidmatan serta kerugian akibat pengubahsuaian yang tidak dirancang.</p> <p>060302 Penerimaan Sistem</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua sistem baharu dan diubah suai hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan sebelum diterima pakai; ii. semua sistem baharu dan yang diubah suai hendaklah melalui peringkat pengujian <i>User Acceptance Test (UAT)</i>, <i>Provisional Acceptance Test (PAT)</i> & <i>Final Acceptance Test (FAT)</i> sebelum dilaksanakan; dan iii. dokumentasi sistem perlu disediakan, dikemaskini mengikut kawalan versi dan dibuat salinan serta disimpan di tempat yang selamat. <p>0604 Perisian Berbahaya</p>	Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna
<p>Objektif:</p> <p>Melindungi integriti perisian dan maklumat daripada pendedahan atau kerosakan disebabkan oleh perisian berbahaya seperti virus, <i>malware</i> dan sebagainya.</p>		

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

060401 Perlindungan Daripada Perisian Berbahaya	
<p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. memasang sistem keselamatan seperti antivirus, <i>Intrusion Detection System (IDS)</i> dan <i>Intrusion Prevention System (IPS)</i> yang bersesuaian mengikut prosedur penggunaan yang betul dan selamat; ii. memastikan paten antivirus pada perkakasan ICT dikemaskini dengan versi terkini; iii. menggunakan perisian yang dilindungi di bawah undang-undang bertulis yang berkuat kuasa; iv. mengimbas media storan dengan antivirus terkini sebelum menggunakan; v. mengemaskini <i>patches</i> sistem operasi mengikut keperluan; vi. menyemak fail sistem dan pangkalan data; vii. memasukkan klausa tuntutan baik pulih dalam dokumen kontrak perjanjian; viii. mengadakan program atau prosedur jaminan kualiti ke atas semua perisian yang dibangunkan; dan 	Pengurus ICT, Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>ix. memaklumkan pengguna mengenai ancaman keselamatan ICT seperti serangan virus.</p>	
<p>060402 Perlindungan Daripada <i>Mobile Code</i></p>	
<p>Penggunaan <i>mobile code</i> yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan ICT adalah tidak dibenarkan.</p>	<p>Pengurus ICT dan Semua</p>
<p>0605 Housekeeping</p>	
<p>Objektif: Meningkatkan prestasi capaian dan pemprosesan maklumat bagi memastikan kebolehsediaan data/maklumat dan melindungi integriti maklumat serta boleh diakses pada bila-bila masa.</p>	
<p>060501 Backup</p>	
<p>Proses salinan sistem aplikasi, data dan fail konfigurasi bagi memastikan sistem dapat beroperasi semula sekiranya diperlukan.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. melaksanakan <i>backup</i> ke atas semua sistem aplikasi dan fail konfigurasi; 	<p>Pentadbir Sistem ICT</p>

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. melaksanakan <i>backup</i> ke atas semua data secara berkala/berjadual; iii. menguji fail <i>backup</i> melalui prosedur <i>restore</i> bagi memastikan ianya berfungsi dengan sempurna, boleh dipercayai dan berkesan apabila digunakan khususnya pada waktu kecemasan; dan iv. merekod dan menyimpan salinan <i>backup</i> di lokasi yang berlainan dan selamat. 	
--	--

0606 Pengurusan Rangkaian

Objektif:

Melindungi infrastruktur rangkaian dan maklumat.

060601 Kawalan Infrastruktur Rangkaian

<p>Infrastruktur rangkaian hendaklah dikawal dan diuruskan bagi memastikan matlamat kerahsiaan, integriti dan ketersediaan tercapai. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. peralatan rangkaian hendaklah diletakkan di lokasi yang selamat; 	Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. perkakasan atau perisian keselamatan rangkaian hendaklah dipasang, dikonfigurasi dan diselia; iii. konfigurasi peralatan keselamatan rangkaian hendaklah dirancang, diluluskan dan direkodkan; iv. semua trafik keluar dan masuk hendaklah melalui <i>firewall</i> di bawah kawalan jabatan; v. semua perisian penganalisa paket seperti <i>sniffer</i> atau <i>network analyser</i> adalah dilarang dipasang pada komputer pengguna kecuali mendapat kebenaran ICTSO; vi. sebarang penyambungan rangkaian yang bukan di bawah kawalan jabatan adalah tidak dibenarkan; vii. penggunaan <i>modem</i>, <i>access point</i> dan <i>wireless broadband</i> persendirian hendaklah mendapat kebenaran ICTSO dan memaklumkan kepada pentadbir rangkaian. 	
--	--

0607 Pengurusan Media

Objektif:

Melindungi Aset ICT daripada ancaman yang boleh menyebabkan gangguan terhadap perkhidmatan.

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

060701 Pengendalian Media	
<ul style="list-style-type: none"> i. Melabelkan semua media mengikut tahap keselamatan sesuatu maklumat; ii. penghantaran atau pemindahan media ke lokasi lain di luar pejabat hendaklah direkodkan dan mengikut jadual yang telah ditetapkan; iii. mengawal dan merekodkan aktiviti pengendalian media bagi mengelak daripada sebarang kerosakan dan pendedahan yang tidak dibenarkan; iv. menyimpan semua media di tempat yang selamat; dan v. pelupusan media hendaklah dikendalikan mengikut klasifikasi keselamatan media. 	Pegawai Aset dan Pengguna
0608 Pengurusan Pertukaran Maklumat	
<p>Objektif:</p> <p>Memastikan pertukaran maklumat di antara jabatan dan agensi luar adalah selamat dan terjamin.</p>	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

060801 Pertukaran Maklumat	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut: i. dasar dan prosedur kawalan pertukaran maklumat perlu diwujudkan untuk melindungi pertukaran maklumat melalui penggunaan pelbagai jenis kemudahan komunikasi; dan ii. media yang mengandungi maklumat perlu dilindungi daripada capaian yang tidak dibenarkan, penyalahgunaan atau kerosakan semasa pemindahan keluar dari premis jabatan;	Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT
060802 Pengurusan Mel Elektronik (E-mel)	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut: i. pengguna e-mel di jabatan hendaklah mematuhi etika penggunaan E-mel dan Internet yang terkandung dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertajuk " <i>Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan</i> "; ii. hanya e-mel rasmi jabatan sahaja dibenarkan dalam setiap urusan rasmi;	Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>iii. sebarang pemindahan dokumen terperingkat melalui e-mel hendaklah merujuk kepada bidang 0802 - Kawalan Kriptografi; dan</p> <p>iv. Jabatan perlu menyediakan polisi, prosedur atau arahan-arahan bertulis yang bersesuaian mengenai penggunaan e-mel.</p>	
--	--

0609 Perkhidmatan Pembayaran Dalam Talian
--

<p>Objektif:</p> <p>Mengawal sensitiviti aplikasi dan maklumat agar sebarang kemungkinan risiko dapat dielakkan.</p>

060901 Pembayaran Atas Talian

<p>Pembayaran atas talian ialah kemudahan transaksi pembayaran secara elektronik yang disediakan untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan.</p> <p>Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:</p> <p>i. memastikan transaksi mempunyai ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian, berintegriti, diuji secara komprehensif, mematuhi akta (PDPA) dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa;</p>	Pengurus ICT dan Pengguna
--	---

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>ii. maklumat yang terlibat dalam transaksi perlu dilindungi daripada aktiviti penipuan dan pendedahan serta pengubahsuaian yang tidak dibenarkan; dan</p> <p>iii. maklumat yang terlibat perlu dilindungi bagi mengelak penghantaran yang tidak lengkap, salah destinasi, pengubahsuaian, pendedahan, duplikasi atau pengulangan mesej yang tidak dibenarkan.</p>	
--	--

0610 Pemantauan

Objektif:

Memastikan Aset ICT bebas daripada ancaman.

<p>061001 Pengauditan dan Forensik ICT</p> <p>Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah merekod dan menganalisis/melaporkan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. sebarang cubaan atau pencerobohan kepada Aset ICT jabatan; ii. serangan kod perosak (<i>malicious code</i>), halangan pemberian perkhidmatan (<i>denial of service</i>), <i>spam</i>, pemalsuan (<i>forgery</i>), pencerobohan (<i>intrusion</i>) 	ICTSO, Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>ancaman (<i>threats</i>) dan kehilangan fizikal (<i>physical loss</i>);</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. pengubahsuaian sesebuah Aset ICT tanpa pengetahuan, arahan atau persetujuan mana-mana pihak; iv. sebarang Insiden berkaitan keselamatan maklumat atau aset ICT jabatan seperti di bidang 0902 - Pengurusan Maklumat Insiden Keselamatan ICT; v. aktiviti melayari, menyimpan atau mengedarkan bahan-bahan lucah, berunsur fitnah dan propaganda anti kerajaan; vi. aktiviti instalasi dan penggunaan perisian yang membebankan jalur lebar (<i>bandwidth</i>); vii. aktiviti penyalahgunaan akaun e-mel; viii. aktiviti penukaran alamat IP (<i>IP address</i>) selain yang telah diperuntukkan tanpa kebenaran; dan ix. larangan memuat turun dan instalasi permainan komputer (<i>games</i>), <i>hacking tools</i>, <i>video conference</i> atau <i>video streaming</i> dan perisian yang tidak dibenarkan. 	
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

061002 Jejak Audit		
<p>Setiap sistem ICT hendaklah mempunyai jejak audit (<i>audit trail</i>) yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. rekod bagi setiap transaksi seperti identiti pengguna, sumber yang digunakan, perubahan maklumat, tarikh dan masa aktiviti, rangkaian dan aplikasi yang digunakan; ii. maklumat aktiviti sistem yang tidak normal atau aktiviti yang tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan; iii. jejak audit hendaklah disimpan untuk tempoh masa seperti yang disarankan oleh Arahan Teknologi Maklumat dan Akta Arkib Negara; iv. jejak audit perlu dilindungi daripada kerosakan, kehilangan, penghapusan, pemalsuan dan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan; dan v. Jabatan perlu menyediakan polisi, prosedur atau arahan-arahan bertulis sekiranya perlu. 	Pentadbir Sistem ICT	

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

061003 Sistem Log	Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut: i. mewujudkan fail log bagi merekodkan aktiviti pengguna; ii. memantau, menyemak dan melaksanakan <i>housekeeping</i> sistem log secara berkala bagi mengesan ancaman yang menyebabkan gangguan kepada sistem dan mengambil tindakan membaik pulih dengan segera; dan iii. pegawai yang bertanggung jawab hendaklah melaporkan kepada ICTSO sebarang insiden keselamatan.	Pentadbir Sistem ICT
061004 Pemantauan Log	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut: i. log audit yang merekodkan semua aktiviti perlu dihasilkan dan disimpan untuk tempoh masa yang dipersetujui bagi membantu siasatan dan memantau kawalan capaian;	Pengurus ICT dan Pentadbir Sistem ICT

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<ul style="list-style-type: none"> ii. maklumat log perlu dilindungi daripada diubahsuai dan sebarang capaian yang tidak dibenarkan; iii. kesalahan, kesilapan dan/atau penyalahgunaan perlu direkodkan, dianalisis dan diambil tindakan sewajarnya; dan iv. penentuan masa bagi sistem aplikasi perlu diselaraskan dengan satu sumber waktu yang dipersetujui. 	
--	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---------------------------------------

BIDANG 07 KAWALAN CAPAIAN

0701 Dasar Kawalan Capaian

Objektif:

Mengawal capaian ke atas Aset ICT.

070101 Keperluan Kawalan Capaian

Capaian kepada proses dan maklumat hendaklah dikawal mengikut keperluan keselamatan dan fungsi kerja pengguna yang berbeza.

Peraturan kawalan capaian hendaklah diwujudkan, didokumenkan dan dikaji semula berasaskan keperluan perkhidmatan dan keselamatan. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- i. kawalan capaian ke atas Aset ICT mengikut keperluan keselamatan dan peranan pengguna;
- ii. kawalan capaian ke atas perkhidmatan semua jenis rangkaian (tanpa wayar dan berwayar) dalaman dan luaran;
- iii. kawalan capaian maklumat menggunakan

Pengurus ICT
dan
Pentadbir
Sistem ICT

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
---	---	---

<p>kemudahan atau peralatan mudah alih; dan</p> <p>iv. kawalan ke atas kemudahan pemprosesan maklumat seperti <i>server</i>, komputer peribadi dan komputer riba.</p>	
---	--

0702 Pengurusan Capaian Pengguna

<p>Objektif:</p> <p>Mengawal capaian pengguna ke atas Aset ICT.</p>
--

070201 Akaun Pengguna

<p>Setiap pengguna adalah bertanggungjawab ke atas Aset ICT yang digunakan. Bagi mengenal pasti pengguna dan aktiviti yang dilakukan, perkara berikut hendaklah dipatuhi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. akaun yang diberikan oleh Pentadbir Sistem ICT sahaja boleh digunakan; ii. akaun pengguna yang diwujudkan hendaklah unik dan mendapat kelulusan daripada Pentadbir Sistem ICT; iii. pemilikan akaun pengguna bukanlah hak milik mutlak; iv. penggunaan akaun milik orang lain atau akaun yang 	Pentadbir Sistem ICT dan Pengguna
---	--

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

<p>dikongsi bersama adalah dilarang; dan</p> <p>v. akaun pengguna boleh dibeku atau ditamatkan atas sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. pengguna yang tidak aktif melebihi enam (6) bulan; b. bertukar bidang tugas kerja; c. bertukar ke jabatan lain; d. bersara; e. ditamatkan perkhidmatan; f. permohonan daripada pihak jabatan; atau g. disyaki berlaku salah guna. 	
<p>070202 Hak Capaian</p>	<p>Penetapan dan penggunaan ke atas hak capaian perlu diberi kawalan dan penyeliaan berdasarkan keperluan skop tugas.</p>

	DASAR KESELAMATAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN	Versi 3.0 Tarikh 12 Feb 2019
--	---	---

070203 Pengurusan Kata Laluan	
